

29/07/1997

Sabah, Sarawak tidak berganjak

Lichong Angkui

ADA dua isu berbangkit dalam pertikaian mengenai peraturan mewajibkan peguam dari Semenanjung mendapatkan permit kerja dan kemasukan ad-hoc sebelum mengendalikan kes mahkamah di Sabah dan Sarawak. Pertama, soal permit kerja. Kedua kemasukan secara ad-hoc sebelum seseorang peguam dibenar mengendalikan sesuatu kes atau mewakili anak guam mereka di mahkamah di Sabah dan Sarawak.

Kedua-dua peraturan itu termaktub dalam undang-undang, termasuk Perlembagaan Negeri. Ia wujud sejak gagasan Malaysia ditubuhkan pada 1963. Bermakna ia sudah dipraktikkan selama 34 tahun.

Syarat kemasukan secara ad-hoc dikhususkan kepada peguam yang mahu mengendalikan sesuatu kes di kedua-dua negeri itu. Sementara peraturan mewajibkan pekerja dari Semenanjung mendapatkan permit kerja apabila bekerja di Sabah dan Sarawak pula mencakupi semua sektor pekerjaan, termasuk kerjaya profesional seperti peguam, jurutera dan wartawan.

Peraturan itu dikuatkuasakan sejak kerajaan Perikatan dulu, diikuti Usno, Berjaya, Parti Bersatu Sabah (PBS) dan kini Barisan Nasional (BN). Di suatu ketika dulu, ia turut heboh diperkatakan sehingga mencetuskan polemik dan ada saranan supaya peraturan itu dikaji semula.

Kini cetusan itu berulang dalam nada yang lebih tegas; meminta supaya peraturan itu dimansuhkan. Hakikatnya, peraturan itu sebahagian daripada inti pati Perjanjian 20 Perkara penyertaan Sabah dan Sarawak dalam gagasan Malaysia. Bermakna apabila memperkatakan mengenai pemansuhannya, sebagaimana yang diungkapkan oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Nazri Abdul Aziz, ia sebenarnya mengungkit persoalan yang cukup constitutional. Ia bukan satu persoalan enteng yang boleh diselesaikan dengan mudah.

Sebab itulah sebaik saja kenyataan itu disiarkan, pelbagai pihak menentanginya, termasuk pemimpin kerajaan dan institusi politik. Persatuan Undang-Undang Sabah (SLA) dan Sarawak Advocates Association (SAA) yang bernaung di bawah Majlis Peguam turut membantahnya, sambil menuntut supaya kerajaan mengekalkan status-quo sekarang.

Bagaimanapun, Nazri menggariskan beberapa alasan ketika mengemukakan cadangan pemansuhan itu. Malah dalam beberapa kenyataan susulan, beliau terus mempertahankan idea dan rasional saranan itu.

Bagaimanapun, beliau menyerahkan kepada kerajaan negeri Sabah dan Sarawak memulakan langkah menghapuskan undang-undang itu.

"Selepas hampir 34 tahun Sabah dan Sarawak mencapai kemerdekaan mereka, undang-undang berkenaan masih diteruskan dan ini adalah suatu yang tidak masuk akal dan sempit," kata Nazri.

Beliau mempertahankan bahawa peguam dari Sabah dan Sarawak tidak perlu bimbang kemungkinan peguam dari Semenanjung membanjiri kedua-dua negeri itu kerana peluang di Semenanjung lebih lumayan hasil pertumbuhan pesat ekonomi.

Nazri juga melihat peraturan permit kerja dan kemasukan ad-hoc itu sebenarnya, dari segi keadilan, menghalang kebebasan kerana ia menyekat kebebasan orang awam mendapat khidmat peguam dari Semenanjung. Rakyat berhak diberi kebebasan mendapatkan peguam yang mereka pilih, sama ada dari Sabah, Sarawak atau Semenanjung.

Dalam pada itu, Nazri mengandaikan jika peguam dari Sabah dan Sarawak masih memerlukan undang-undang itu bagi 'melindungi mereka' bermakna mereka mempunyai masalah rendah diri.

Bagaimanapun, semua alasan yang dikemukakan Nazri itu disangkal oleh Presiden SLA, Maureen Lind, sekali gus mempertahankan status-quo sekarang dikekalkan. Peraturan itu bukan bermaksud menghalang peguam dari Semenanjung, tetapi semata-mata prinsip hak yang dipersetujui sebelum ini.

Oleh itu, peraturan sedia ada yang melarang peguam dari Semenanjung mengendalikan kes secara bebas di Sabah, sebaliknya harus memohon kemasukan secara ad-hoc tidak boleh ditafsir sebagai menafikan keadilan.

Pendirian SLA dan SAA itu turut mendapat sokongan pemimpin kerajaan negeri yang rata-rata berpendapat peruntukan undang-undang sedia ada perlu dikekalkan. Justeru, syarat yang mewajibkan peguam dari Semenanjung mendapatkan permit kerja sebelum bertugas di Sabah dan Sarawak tidak perlu dimansuhkan kerana ia tidak menimbulkan sebarang masalah.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Chong Kah Kiat, berkata peraturan itu sudah dilaksanakan sejak sekian lama dan tiada sebab untuk memansuhkannya. Lagi pun, peraturan itu bukan bertujuan menghalang peguam dari Semenanjung mengambil sebarang kes di kedua-dua negeri itu.

Sehubungan itu, beliau mahu peraturan sedia ada dipatuhi dan dihormati kerana ia terkandung dalam Perjanjian 20 Perkara ketika Sabah dan Sarawak menyertai penubuhan gagasan Malaysia.

Dua lagi pemimpin Sabah - Timbalan Ketua Menteri, Datuk Joseph Kurup dan Menteri Pelancongan dan Alam Sekitar, Tan Sri Bernard Dompok, juga mempunyai pandangan serupa. Mereka mempertahankan bahawa peraturan itu tidak boleh dimansuhkan dengan sewenang-wenangnya, sebaliknya jika ada idea ke arah itu sekali pun, ia mestilah berasaskan semangat perundingan.

Kurup yang juga Presiden Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS) berkata dalam proses perundingan itu, ia hendaklah mengambil kira keseluruhan keadaan di negeri itu, termasuk budaya penduduk tempatan, perkembangan ekonomi dan sistem politiknya.

"Kita tidak nafikan pelanggan berhak mendapatkan khidmat mana-mana peguam, tetapi sepanjang yang saya tahu belum ada peguam dari Semenanjung yang gagal mendapat kemasukan ad-hoc ke badan guaman tempatan di Sabah," katanya.

Dompok yang juga Presiden Parti Demokratik Sabah (PDS) pula berkata peraturan mewajibkan kalangan profesional dari Semenanjung mendapatkan permit kerja apabila bekerja di Sabah (dan dalam konteks peguam, mereka turut dikehendaki memohon kemasukan secara ad-hoc) adalah sebahagian inti pati Perjanjian 20 Perkara. Oleh itu, ia perlu dihormati semua pihak. Perjanjian 20 Perkara menjadi asas kepada pembentukan Persekutuan Malaysia.

Laporan Suruhanjaya Cobbold 1962 dengan jelas mengesyorkan supaya kuasa autonomi dan jaminan khas dalam sesetengah perkara yang tidak didapati oleh negeri lain, diberi kepada negeri Borneo (iaitu Sabah dan Sarawak). Ia merangkumi soal imigresen.

Sebagai memenuhi cadangan Suruhanjaya Cobbold, Jawatankuasa Antara Kerajaan (IGC) ditubuhkan pada Ogos 1962 bagi menyelaras perincian perlembagaan. Lord Lansdowne, Menteri Hal-Ehwal Tanah Jajahan British dilantik sebagai Pengerusi, manakala Tun Abdul Razak, Timbalan Perdana Menteri ketika itu, sebagai timbalannya (Malakun, 1981: 136)

Untuk menjamin kedudukan Sabah dan Sarawak dalam Persekutuan, suruhanjaya itu mengesyorkan supaya segala jaminan khas yang diberi tidak boleh dipinda, diubah atau ditarik balik oleh Kerajaan Pusat tanpa persetujuan daripada kerajaan negeri berkenaan.

"We feel strongly that appropriate provisions should be made in the constitution to ensure that the special safeguards for interests of Sarawak and North Borneo as the territories in the new Federation are maintained principle that the power of amending the constitution of each state belong exclusively to the people in the State (Laporan Suruhanjaya

Cobbold, 1962: 43)

Berasaskan hakikat dan sejarah itu, adalah jelas pendirian yang dibuat oleh SLA dan SAA serta pemimpin kerajaan dari Sabah menunjukkan mereka komited mempertahankan hak itu, sekurang-kurangnya pada ketika ini.

Perubahan mungkin akan berlaku pada masa depan, tetapi tidak pada waktu ini.

Sebagai kesimpulan, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dilaporkan berkata di Kedah kelmarin bahawa beliau sudah berbincang dengan kerajaan negeri Sabah dan Sarawak berhubung perkara itu.

Menurut Perdana Menteri, kedua-dua negeri itu berpendapat mereka belum dapat melonggarkan peraturan berkenaan sehingga ke satu peringkat apabila mereka bersedia berbuat demikian.

(END)